



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PUSAT REPOSITORI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA-PERLIS DINAMAKAN SEBAGAI PUSAT REPOSITORI TUANKU TENGKU FAUZIAH

KUALA PERLIS, 22 Mei – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah membangunkan Pusat Repositori Perpustakaan Negara Malaysia-Perlis (PRPNM-Perlis) yang dinamakan Pusat Repositori Tuanku Tengku Fauziah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail.

Pusat Repositori ini merupakan antara inisiatif penting di bawah strategi pemerkasaan ilmu dan perpaduan yang digariskan oleh Kementerian, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Ia berperanan sebagai hab strategik penyimpanan dan pengurusan koleksi bahan perpustakaan peringkat kebangsaan bagi zon utara, yang merangkumi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara.

Melalui kemudahan akses kepada koleksi bahan di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), masyarakat tempatan dan serantau akan dapat menikmati sumber rujukan yang kaya dan pelbagai, yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan pembelajaran, penyelidikan dan pengembangan ilmu pengetahuan.

Pembinaan bangunan ini berpotensi menjadi satu lagi tarikan pelancongan di negeri Perlis. Kehadiran pelawat dan penyelidik dari dalam dan luar negara dijangka mampu merancakkan sektor pelancongan setempat serta memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi khususnya dalam sektor perkhidmatan dan kebudayaan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa “Jemaah Menteri pada 14 Mei 2025 telah menyarankan agar reka bentuk bangunan pusat repositori ini akan diperbesar dan dinaik taraf supaya lebih bersesuaian serta setimpal dengan ketinggian martabat Institusi Diraja yang sentiasa menjadi lambang kebitaraan dan warisan negara”.

Pusat Repositori ini bukan sahaja menjadi simbol kerjasama antara institusi ilmu dan institusi diraja, malah menjadi satu mercu tanda baharu yang membuktikan komitmen Kerajaan Perpaduan dalam membina negara bangsa berteraskan ilmu, sejarah dan perpaduan.

Kementerian Perpaduan Negara

19 Mei 2025

KPN.100-9/1/16 (37)